



Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 J10.1(25)

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pengajian Tinggi Swasta

**PEKELILING PENGURUSAN PENGAJIAN TINGGI SWASTA (PPTS),
JABATAN PENGAJIAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2013**

**PENYELARASAN KURSUS MATA PELAJARAN WAJIB DI
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berhubung dengan Penyelarasan Kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) mulai 1 September 2013.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeling berikut:
 - i. Surat Pekeliling Bil.6/2000 bertarikh 21 Disember 2001 mengenai Pelaksanaan Mata Pelajaran Bahasa Kebangsaan dan Mata Pelajaran Wajib.
 - ii. Surat Pekeliling Bil.1/2004 bertarikh 5 Februari 2004 mengenai Pengecualian Mata Pelajaran Wajib Sebagai Prasyarat Penganugerahan Sijil, Diploma Atau Ijazah Bagi

- Pelajar Program Kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi Awam Dengan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.
- iii. Surat Pekeliling Bil.4/2005 bertarikh 15 Disember 2005 mengenai Pemberitahuan Berhubung Pengendalian Kursus Mata Pelajaran Hubungan Etnik di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.
 - iv. Surat JPT(A)1000/001/013/05(17) bertarikh 27 Mac 2012 mengenai Surat Makluman Berkenaan Dasar Jaminan Kualiti Yang Diputuskan Melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil 1/2011 – 3/2011.
 - v. Surat JPT/GS1000-610Jld1(36) bertarikh 26 November 2012 mengenai Makluman Pelaksanaan Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

LATAR BELAKANG

3. Melalui pelaksanaan PSPTN Fasa 2, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan penekanan terhadap agenda Pembangunan Holistik Pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi melahirkan graduan IPT yang seimbang dari segi ilmu, keterampilan, akhlak, nilai murni, patriotik dan berdisiplin ke arah pembentukan modal insan negara yang holistik dan berpersonaliti unggul (*towering personality*). Justeru, penekanan pelaksanaan diletakkan dalam konteks kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi ilmu praktikal dan ilmu falsafah bagi menyokong pembangunan pelajar secara menyeluruh.

4. Kursus MPW di IPT telah bermula sejak penubuhan IPT itu sendiri di mana kursus tersebut lebih berbentuk pilihan bebas kepada pelajar dengan pelaksanaannya dikendalikan oleh fakulti di IPTA dan tiada organisasi secara berpusat untuk menyeragamkan kursus di IPTA. Walau bagaimanapun, setelah diperkenalkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) pada awal tahun 1998, maka kursus ini telah diwajibkan kepada semua

pelajar IPTA diikuti dengan kursus Hubungan Etnik sehinggalah sekarang. Kursus lain yang turut diajarkan sebagai kursus MPW di IPTA sekarang adalah kursus Kenegaraan dan kursus Keusahawanan. Kursus MPW di IPTA hanya diwajibkan kepada pelajar tempatan.

5. Kursus MPW di IPTS pula mula diwajibkan setelah diperkenalkan dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Kursus MPW tersebut terdiri daripada 3 kursus iaitu Pengajian Malaysia, Pendidikan Islam/Pendidikan Moral dan Bahasa Kebangsaan. Kursus MPW di IPTS diwajibkan kepada pelajar tempatan sahaja.

6. Sehubungan dengan ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 April 2012 telah memutuskan bahawa penawaran dan pelaksanaan Kursus Pengajian Umum diselaraskan kepada semua IPT dalam negara termasuk IPTS, IPTA, dan Politeknik. Oleh itu, Kementerian ini telah menggantikan penawaran kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) sedia ada di IPTS kepada kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Penawaran MPU juga dilaksanakan bagi menyeragamkan pengajaran kursus mata pelajaran wajib di IPTS dan IPTA dengan mengambilkira keperluan pembelajaran pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa.

7. Kursus-kursus MPU adalah berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tabii dan Sains Sosial. Ini akan meningkatkan lagi kemahiran insaniah pelajar dalam pelbagai bidang dengan menguasai isi kandungan kursus-kursus MPU. Kursus MPU mencakupi empat kumpulan iaitu;

- i. U1 iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah,
- ii. U2 iaitu penguasaan kemahiran insaniah,
- iii. U3 iaitu perluasan ilmu pengetahuan di Malaysia,
- iv. U4 iaitu kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat, ko-kurikulum.

8. Kursus Pengajian Umum adalah wajib diambil oleh pelajar antarabangsa dan tempatan serta perlu lulus sebagai syarat pengijazahan. Jumlah jam kredit yang perlu ditawarkan mengikut kumpulan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam *Lampiran A*. Opsyen pengagihan markah untuk Kursus Pengajian Umum boleh di rujuk pada *Lampiran B*. Pihak IPTS perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlebih dahulu sebelum melaksanakan kursus di institusi masing-masing.

9. Kumpulan kursus U1 akan menjadi dasar KPM untuk dilaksanakan di semua IPTS. Kursus-kursus Kumpulan U1 adalah wajib diambil oleh pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa dari peringkat sijil, diploma, diploma lanjutan serta ijazah. Kursus-kursus Kumpulan U1 adalah seperti berikut;

- i. Bahasa Melayu Komunikasi 1
- ii. Bahasa Melayu Komunikasi 2
- iii. Bahasa Melayu Komunikasi 3
- iv. Pengajian Malaysia
- v. Tamadun Islam dan Tamadun Asia
- vi. Hubungan Etnik

Pecahan jenis kursus U1 mengikut pelajar tempatan, pelajar antarabangsa dan bahasa penghantar kursus boleh di rujuk pada *Lampiran C*.

10. Bagi kursus-kursus dalam Kumpulan U2,U3 dan U4, institusi perlulah merujuk terlebih dahulu kursus-kursus yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti di dalam *Lampiran D*. Walau bagaimanapun jika institusi mempunyai kursus yang berkaitan dengan skop kumpulan ini, institusi boleh menjalankan kursus tersebut mengikut acuan institusi masing-masing. Maklumat lanjut mengenai struktur penawaran MPU dan kursus-kursus MPU boleh dicapai di laman sesawang Jabatan Pengajian Tinggi <http://jpt.mohe.gov.my/> .

PELAKSANAAN

11. Pelajar tempatan yang tidak mempunyai kredit Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) wajib mengambil kursus Bahasa Melayu sebagai salah satu kursus dalam kumpulan U2.

12. Penawaran kursus MPU untuk pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa melibatkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Pertama sahaja bagi pelajar pengambilan kohort baru di semua IPTS mengikut tarikh kuatkuasa pekeliling ini.

PENGECUALIAN

13. Pengajian di peringkat Sijil Asas (Foundation), Sarjana dan Doktor Falsafah dikecualikan daripada mengambil MPU.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Bi.2/2005 bertarikh 30 November 2005 mengenai Pemberitahuan Berhubung Pengecualian Pelaksanaan Mata Pelajaran Wajib ke Atas Pelajar Bukan Warganegara Malaysia di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta adalah dibatalkan.

KUAT KUASA

15. Pekeliling Penyelarasan Kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ini berkuat kuasa mulai 1 September 2013.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK. PROF. DR. ROZIAH BINTI OMAR)

b/p Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tarikh : 27/6/2013

s.k

Menteri Pendidikan Malaysia

Menteri Pendidikan Malaysia II

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Setiausaha

Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
YB. Menteri Pendidikan Malaysia II

Ketua Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Negara (PTPTN)

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
(u/p: Pn. Salwani Bt Abdullah)

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

Jadual 1: Pemetaan Struktur Pengajian Umum IPTS Peringkat Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah (Pelajar Malaysia Dan Pelajar Antarabangsa)

Peringkat	Bilangan Kursus/Kredit Diambil				Jumlah Kredit
	U1 (3 Kredit Setiap Kursus U1, 2-3 Kredit U2 Dan U3 Dan 2 Kredit Bagi Kursus U4)	U2	U3	U4	
Ijazah	2 (6 kredit)	1 (2-3 kredit)	1 (2-3 kredit)	1 (2 kredit)	12-14
Diploma/Diploma Lanjutan	1 (3 kredit)	1 (2-3 kredit)	1 (2-3 kredit)	1 (2 kredit)	9-11
Sijil	1 (3 kredit)	1 (2-3 kredit)	1 (2-3 kredit)	-	7-9

Jadual 2: Opsyen pengagihan markah Kursus Pengajian Umum.

Kumpulan	Pilihan 1		Pilihan 2		Pilihan 3		Catatan	
	Tugasan	Peperiksaan	Tugasan	Peperiksaan	Tugasan	Peperiksaan		
U1	70%	30%	60%	40%	50%	50%	IPTS boleh memilih mengikut kumpulan dan seragamkan penggunaannya di institusi	
U2	70%	30%	60%	40%	50%	50%		
U3	70%	30%	60%	40%	50%	50%		
U4	100% Tugasan Sahaja							-

Jadual 3: Pecahan jenis kursus U1 mengikut pelajar tempatan, pelajar antarabangsa dan bahasa pengantar kursus.

Kursus U1	Kredit	Pelajar Tempatan			Pelajar Antarabangsa			Bahasa Penghantar	
		Sijil	Diploma / Diploma Lanjutan	Ijazah	Sijil	Diploma / Diploma Lanjutan	Ijazah	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Bahasa Melayu Komunikasi 1	3				✓			✓	
Bahasa Melayu Komunikasi 2	3					✓		✓	
Bahasa Melayu Komunikasi 3	3						✓	✓	
Pengajian Malaysia	3	✓	✓				✓		✓
Tamadun Islam dan Tamadun Asia	3			✓				✓	
Hubungan Etnik	3			✓				✓	

Note: 1. Kumpulan kursus U1 akan menjadi dasar KPM untuk dilaksanakan di semua IPTS.

2. IPTS perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlebih dahulu sebelum melaksanakan kursus di institusi masing-masing.

Jadual 4: Cadangan Kursus Pengajian Umum Untuk U2, U3 dan U4

U2 (2-3 kredit)	U3 (2-3 kredit)	U4 (2 kredit)
Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat
Kemahiran Rekacipta dan Inovasi	Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia	Ko-kurikulum
Kemahiran Menulis	Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS
Kemahiran Pengurusan Emosi	Sosiologi kerja dan Industri Malaysia	
Kemahiran Membuat Keputusan	Perlembagaan dan Masyarakat Malaysia	
Kemahiran Berfikir	Perbandingan Agama	
Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan	
Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS	Perbankan dan Kewangan Malaysia	
	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPM dan IPTS	

Nota: 1. Semua kursus U2, U3 dan U4 hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan atau bahasa inggeris sebagai bahasa pengantar kursus.

2. Semua kursus U2, U3 dan U4 akan menjadi SOP kepada IPTS.

3. IPTS perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlebih dahulu sebelum melaksanakan kursus di institusi masing-masing